

BULETIN **SUK** **PERAK**

BIL. 4/2021

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak



YAB Menteri Besar Perak dahului

PENERIMA DARJAH KEBESARAN NEGERI PERAK

Tourism
perak
MALAYSIA



SidangRedaksi

PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING

Anita Amri
Zuriati Zainal

PENYELARAS

Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

WARTAWAN

Firdaus Ehsan
Qistina Izfarina

FOTOGRAFI

Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali
Nik Muhammad Firdaus

BAHAGIAN KORPORAT

PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK



Big Cleaning Day

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK

**SETIAP JUMAAT
JAM 3.00 PETANG
DI BAHAGIAN MASING-MASING**



Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK

TITAH PERLU KEBIJAKSANAAN KEPIMPINAN

RENCANAKAN PEMULIHAN RAKYAT

KUALA KANGSAR, 14 NOVEMBER 2021- Pasca COVID-19 memerlukan kebijaksanaan kepimpinan dan pengurusan yang dinamik lagi bertenaga dalam merencanakan pendekatan pemulihan yang dapat memberi impak bermakna kepada rakyat, terutama usaha membasmi kemiskinan.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah kebijaksanaan barisan pemimpin terdahulu, memformulasikan program pembasmian kemiskinan pada era pascamerdeka dan pada era Dasar Ekonomi Baru (DEB) mula diperkenalkan, hendaklah dijadikan rujukan, panduan dan pedoman.

"Pendidikan merupakan program paling berjaya DEB memenuhi matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Majoriti yang berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan dan peningkatan kumpulan menengah terutama dalam kalangan masyarakat Melayu dicapai melalui program pendidikan.

"Susulan pandemik yang berlaku, platform pendidikan, iaitu sekolah, universiti dan pusat-pusat pengajian merupakan institusi yang terjejas secara langsung. Para pelajar di sekolah serta di pelbagai institusi latihan dan pengajian, merupakan casualty atau mangsa yang menghadapi kerugian besar ketika ditetapkan Perintah Kawalan Pergerakan," titah baginda.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin bertitah demikian pada Istiadat Menghadap Sembah Taat Setia dan Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Perak Darul Ridzuan sempena Hari Keputeraan ke-65 baginda di Istana Iskandariah di sini.

Turut berangkat pada istiadat itu DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; DYTM Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; DYAM Raja DiHilir Perak Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah dan DYAM Raja Puan Muda Perak Tunku Soraya Sultan Abdul Halim serta barisan kepimpinan kerajaan negeri.



Dalam titah itu juga, DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut melahirkan kebimbangan kepada aspek pendidikan negara yang masih tidak memiliki prasarana yang cukup untuk membolehkan kaedah pendidikan baharu dapat dinikmati oleh rakyat secara saksama.

"Masyarakat di luar bandar menghadapi kesukaran mengikuti kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kerana jalur lebar yang lemah dan tidak stabil.

"Sementara masyarakat dalam kategori berpendapatan rendah dan miskin menghadapi kesulitan kewangan untuk membekalkan anak-anak dengan peralatan peranti yang berkualiti," titah baginda.

Selain itu, DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah bahawa negara wajib mengambil pengajaran dan merekayasa dasar dan program berkaitan kesihatan, bekalan makanan, pendidikan, kebajikan serta guna tenaga manusia, terutama kebergantungan yang keterlaluan kepada pekerja asing.

Baginda turut berpesan agar negara hendaklah bersedia dan berani melakukan pengauditan untuk menilai kekuatan dan kelemahan aset perkakasan, aset perisian dan aset sumber manusia dari segi kuantiti juga kualiti kepakaran, pengalaman dan kemahiran yang dimiliki.

"Penting disegerakan langkah-langkah penambahbaikan agar negara berada dalam keadaan lebih siap siaga menghadapi krisis pada masa hadapan.

"Bencana yang melanda hendaklah dijadikan pembuka mata untuk mencetuskan pemikiran baharu, memformulasikan kaedah baharu, menerokai pendekatan baharu, meletakkan keutamaan baharu dan memperkenalkan budaya baharu mengurus tadbir negara," titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.



YAB Menteri Besar Perak dahului **PENERIMA DARJAH KEBESARAN NEGERI PERAK**



KUALA KANGSAR, 14 NOVEMBER 2021 - Seramai 38 individu menerima darjah kebesaran pada siri pertama Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Perak, sempena sambutan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ke-65 di Istana Iskandariah, di sini.

38 individu tersebut merupakan 19 penerima pada tahun 2020 dan 19 penerima pada tahun 2021 dengan melibatkan pengurniaan yang membawa gelaran Dato' Seri, Dato' Seri Panglima, Dato' dan Dato' Pahlawan.

Mendahului senarai penerima, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad yang menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (SPMP) yang membawa gelaran "Dato' Seri".

Menyusulinya adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Affendi bin Haji Buang dan Ketua Polis Negara, Inspektor General Tan Sri Acryl Sani bin Abdullah Sani yang menerima Darjah Seri Panglima Taming Seri (SPTS) dan membawa gelaran "Dato' Seri Panglima" bagi tahun 2020.

Selain itu, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim serta YB Penasihat Kerajaan Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin telah dianugerahkan Darjah Cura Si Manja Kini (DPCM) yang membawa gelaran "Dato'" bagi penerima tahun 2020 dan 2021.

Turut berangkat pada istiadat itu DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; DYTM Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; DYAM Raja DiHilir Perak Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah dan DYAM Raja Puan Muda Perak Tunku Soraya Sultan Abdul Halim serta barisan kepimpinan kerajaan negeri.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenan mengurniakan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran "Dato'" kepada 13 penerima bagi tahun 2021.

Antara penerima adalah, YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Nor Sham binti Rahman; YBhg. Ketua Protokol dan Istiadat Negeri Perak, YDH Toh Jana Pahlawan SAC (B) Dato' Abu Bakar bin Romlee; YBhg. Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abdul Halim bin Ashaari; YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Dato' Arham bin Abdul Rahman; YBhg. Ketua Bahagian Neurologi Universiti Malaya, Dato' Prof Dr. Goh Khean Jin; YBhg. Pakar Perunding Pediatrik Hospital Raja Permaisuri Bainun, Dato' Dr. Jeyaseelan A/L P. Nachiappan; YBhg. Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, YDH Toh Seri Lela Paduka Dato' Prof Dr. Khalid bin Ismail; YBhg. Pengarah Kastam Diraja Malaysia Negeri Perak, Dato' Dr. Mohamad bin Saprin; YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia, Dato' Haji Mohamed Zaini bin Abdul Rahman; YBhg. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Dato' Mohamed Zin bin Yusop; YBhg. Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Dato' Dr. Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali; YBhg. Pengarah Hospital Bahagia Ulu Kinta, Dato' Dr. Hayati binti Nordin dan YBhg. Pengarang Kumpulan Berita Harian, Dato' Saidon bin Idris.

Selain itu, Baginda turut berkenan mengurniakan Darjah Dato' Pahlawan Taming Sari (DPTS) yang membawa gelaran "Dato' Pahlawan" kepada 4 penerima bagi tahun 2021.

Antara penerima adalah, YBhg. Ketua Staff Markas Pemerintahan Operasi Udara TUDM, Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Felix Gonsalvez A/L Alexander; YBhg. Panglima Wilayah Laut 2 TLDM, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Rusli bin Ahmad; YBhg. Pakar Perunding Bedah Ortopedik Hospital Angkatan Tentera Lumut, Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Dr. Musa bin Kasmin serta YBhg. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak, SAC Dato' Pahlawan Anuar bin Othman.

Pada sambutan tahun ini, DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menganugerahkan kepada 192 darjah, bintang dan pingat kebesaran bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda.

Dalam perkembangan sama, istiadat pengurniaan bagi siri seterusnya akan dianjurkan mengikut tarikh yang akan diperkenankan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan tertakluk kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di negeri Perak.



DYMM TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG, **SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

BERKENAN BERANGKAT **KE MAJLIS**

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan

IPOH, 18 OKTOBER 2021- DYMM Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Perak di Masjid Sultan Azlan Shah, di sini.

Keberangkatan baginda diiringi DYTM Pengerusi Jemaah Pemangku Raja Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah.

Majlis dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Imam Utama Masjid Sultan Azlan Shah, Encik Syed Mohd Muzzaffar Syed Azlan.

Ia kemudiannya diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh bekas juara Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, Tuan Haji Radzi Kamarul Hailan dan Selawat Nabi beramai-ramai.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Tuan Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk), Dato' Mohd Yusop bin Husin; YDH Ketua Polis Perak, Dato' Pahlawan Mior Faridalatrash Wahid serta Barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pada majlis itu, DYMM Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenan menyampaikan Anugerah Pengamal Media kepada Encik Abd Razak Mohd Ali; Anugerah Pendakwah kepada Encik Muhammad Misyagirin Thien Abdullah dan Anugerah Keluarga Mithali kepada Datuk Abdul Rasid Nopiah

Penerima Anugerah Pengamal Media Dan Pendakwah menerima wang tunai RM3,000, plak dan sijil manakala penerima Anugerah Keluarga Mithali menerima RM5,000, plak dan sijil.

DYMM Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berangkat pulang sejeurus selesai menunaikan Solat Isyak berjemaah, kira-kira jam 8.30 malam.



DYMM PADUKA
SERI SULTAN PERAK
BERKENAN

TERIMA ZAKAT RM7.8 JUTA BAGI PIHAK MAIPK

KUALA LUMPUR, 6 DISEMBER 2021 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah berkenan menerima serahan zakat perniagaan berjumlah RM7,809,259.80 daripada enam syarikat korporat kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPK) di Istana Perak, Bukit Changkat Persekutuan, hari ini.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, YBhg. Datuk Ir. Baharin Bin Din merupakan penyumbang tertinggi dengan jumlah bayaran zakat perniagaan RM6,095,402.30.

Penyampaian zakat tersebut kemudian diikuti oleh Etiqa Family Takaful Berhad Dan Etiqa General Takaful Berhad yang diwakili oleh Dr. Abdul Rahim Bin Abdul Rahman (Ahli Jawatankuasa Syariah) dengan jumlah zakat perniagaan RM775,000.00.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan FGV Holdings Berhad, YBhg. Dato' Dzulkifli Bin Abd Wahab menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM577,752.30.

Turut menunaikan zakat perniagaan adalah Angkatan Koperasi Kebangsaan (M) Berhad (Angkasa) berjumlah RM221,105.20 yang diserahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri (JPAN) Angkasa Perak, Tuan Haji Mohd Rosli bin Haji Basri dan diikuti oleh GITN Sdn. Bhd. yang diserahkan oleh Ketua Perkhidmatan & Pengurusan Korporat, Norfaizah Binti Mohd Puad berjumlah RM140,000.00

Hadir sama, YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi bin Haji Zainuddin; YBhg. Ahli Majlis MAIPK Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Shahrul Azam bin Shaari.



KUALA LUMPUR, 10 DISEMBER 2021: DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan berjumlah RM6,424,999.77 daripada lima syarikat korporat kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak di Istana Perak Bukit Changkat Persekutuan di sini.

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN TERIMA **ZAKAT PERNIAGAAN** **RM6.4 JUTA**

Penyerahan zakat perniagaan itu didahului oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang diwakili oleh Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, YBhg. Dato' Haji Zamri bin Yaakob dengan jumlah bayaran zakat perniagaan RM2,604,885.77. Ia diikuti Pharmaniaga Berhad yang diwakili oleh YBhg. Dato' Sri Mohammed Shazalli bin Ramly dengan jumlah zakat perniagaan RM2,000,000.00.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Dato' Syed Abdul Aziz Syed Hassan telah menyerahkan zakat perniagaan dengan jumlah RM827,743.00.

Turut menunaikan zakat perniagaan adalah Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) yang diwakili oleh Ahli Jawatankuasa Syariah BPMP, Dr. Syahnaz binti Sulaiman dengan jumlah RM714,942.00.

Seterusnya, penyampaian zakat tersebut diikuti oleh Agrobank Negeri Perak yang diwakili oleh Pengarah Wilayah Agrobank Negeri Perak, Encik Mohamad Sukri bin Yusop dengan jumlah RM277,429.00.

Hadir sama, YABhg. Orang Kaya Tun Bendahara Seri Maharaja Tan Sri Dato' Seri Diraja Dr. Mohd Zahidi Zainuddin, YBhg. Ahli Majlis MAIPk Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahrul Azam bin Shaari



SEDIAKAN 4,400 PELUANG PEKERJAAN,

NCIA TARIK RM2.34 BILION PELABURAN KE NEGERI PERAK

IPOH, 4 OKTOBER 2021- Pihak Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berjaya menarik pelaburan bernilai RM2.34 bilion ke negeri Perak yang bakal menyediakan 4,400 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Terbaharu, sebanyak lima buah syarikat telah menyatakan komitmen untuk membuat pelaburan bernilai RM2 bilion yang menawarkan 3,885 peluang pekerjaan.

Lima syarikat itu ialah Eco Medi Glove Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan RM300 juta di Taiping, diikuti Onetexx Sdn. Bhd. (373.9 juta) juga di Taiping, Dyna Care Sdn. Bhd. (RM1.19 bilion) di Lumut Port Industrial Park, HICOM-Teck See Sdn. Bhd. (RM208 juta) di Tanjung Malim dan PNA Technologies Sdn. Bhd. (RM1.7 juta) di Kampung Gajah.

YAB Menteri Besar Perak, Dato Saarani bin Mohamad menyaksikan Majlis Komitmen Pelaburan Negeri Perak itu bersama NCIA yang diadakan secara maya di Pejabat Menteri Besar, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Industri Pelaburan dan Pembangunan Koridor, Dato' Shahrul Zaman bin Yahya; YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan dan Pembangunan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, dan YBhg. Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John.

Terdahulu, selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata, bagi mempercepatkan proses pemulihan susulan pandemik COVID-19, kerajaan negeri akan terus memfokuskan usaha menarik pelaburan strategik dan berimpak tinggi untuk menjana ekonomi, termasuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan.

Menurutnya, kerajaan negeri amat menggalakkan pelaburan bernilai tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan terutama dalam aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), pendigitalisasi dan penerimgunaan teknologi baharu selaras dengan Pelan Pembangunan Perak 2040.

"Negeri Perak perlu memberi tumpuan kepada pengeluaran produk elektrik, elektronik dan optikal serta produk getah, terutamanya sarung tangan.

"Ini memandangkan kita mempunyai kelebihan dalam industri-industri ini berbanding negeri lain. Promosi berkaitan pelaburan ke negeri Perak perlu diperluaskan agar negeri ini menjadi destinasi tumpuan pelabur," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas majlis komitmen pelaburan itu, di sini.

Sementara itu, YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John berkata, NCIA telah mengumumkan penambahbaikan kepada program insentif merangkumi NCER Tax Incentives (NTax@NCER), NCER Talent Enhancement Program (NTEP) dan Dana Usahawan (DU@NCER) dalam usaha menyokong komuniti perniagaan di negeri Perak menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

Menurutnya, melalui program DU@NCER, NCIA telah menyediakan geran pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan di Perak bagi mengatasi implikasi ekonomi terkesan oleh pandemik COVID-19.

Katanya, sehingga kini, program DU@NCER telah menyokong pembangunan 13 usahawan PKS tempatan dengan jumlah pelaburan baharu RM135 juta dan mewujudkan 520 peluang pekerjaan baharu.

"Bagi memastikan negeri Perak kekal stabil dalam pertumbuhan sosioekonomi, NCIA akan terus komited dalam melaksanakan program modal insan yang inklusif, holistik, dan berpaksikan rakyat dalam memacu pembangunan sosioekonomi masyarakat," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Program Modal Insan yang dilaksanakan oleh NCIA adalah selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk mewujudkan masyarakat yang lebih seimbang, mengurangkan kemiskinan dan membasmi kemiskinan tegar, memastikan kelangsungan pendapatan serta menggalakan penglibatan belia, wanita, penganggur terutama dalam golongan B40 dan miskin tegar ke dalam sektor perniagaan dalam usaha bersama untuk merancakkan semula pembangunan sosioekonomi untuk kemampanan dan kemakmuran jangka panjang.



PERAK GIAT USAHA PROGRAM PEMBERIAN VAKSIN KEPADA REMAJA

IPOH, 5 OKTOBER 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad hari ini melakukan tinjauan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Remaja di Sekolah Menengah Agama Izzudin Shah, Ipoh.

"Program Vaksinasi Remaja di Perak telah dimulakan sejak 20 September 2021 yang dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan Perak dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

"Sehingga semalam, sejumlah 126,211 pelajar sekolah berusia 12 tahun hingga 17 tahun seluruh negeri Perak sudah mendaftar untuk mendapat suntikan vaksin. Dalam jumlah itu, seramai 115,617 pelajar atau 91.6 peratus sudah menerima vaksin dos pertama.

"Manakala bagi 16 tahun hingga 17 tahun, seramai 61,853 pelajar sudah mendaftar dan 55,976 atau 90.5 peratus daripadanya telah menerima vaksin.

"Seterusnya, pelajar berusia 12 tahun hingga 15 tahun, 64,358 sudah mendaftar dan 59,641 atau 92.67 peratus telah mendapat suntikan vaksin.

"Kerajaan negeri telah membuka sebanyak 41 PPV bagi pelaksanaan Program Vaksinasi Remaja yang meliputi sekolah, sekolah vokasional dan PPV Awam sedia ada," jelas YAB Menteri Besar Perak semasa bertemu media di program tersebut.

Program di sekolah ini telah berlangsung pada 27 September 2021 sehingga 8 Oktober 2021 dan pemberian dos vaksin kedua akan bermula pada 10 Oktober 2021 sehingga selesai.

Beliau turut mengingatkan para ibu bapa dan pelajar untuk segera mengambil suntikan vaksin.

"Saya nasihatkan kepada seluruh rakyat negeri Perak terutamanya ibu bapa yang patut menjadi teladan kepada anak-anak. Maka, ibu bapa juga perlulah mengambil suntikan vaksin dan mengajak anak-anak untuk turut sama mengambil vaksin sebagai perlindungan diri dan sekeluarga," ujar beliau.

Hadir sama, YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud; Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Dr. Mohd Suhaimi Bin Mohamed Ali dan Pengetua Sekolah Menengah Agama Izzudin Shah, Ustaz Ahmad Muizzudin Munawir bin Salehuddin @ Salehuddin.





Ujar YAB Dato' Saarani bin Mohamad lagi, antara projek terbesar yang telah diluluskan dalam sektor perkilangan di negeri Perak sepanjang tempoh berkenaan adalah:

- I. Sheng Long AquaTechnology (M) Sdn Bhd, syarikat dari Republik Rakyat China yang mempunyai kepakaran di dalam bidang akuakultur & makanan akuakultur berprestasi tinggi.
- II. Eco Medi Glove, syarikat dari Singapura yang menghasilkan Examination Gloves.
- III. KL-Kepong Rubber Gloves, syarikat tempatan yang menghasilkan Examination Gloves yang diperbuat daripada Nitrile dan getah asli.
- IV. Onetexx Sdn. Bhd, syarikat yang akan membina kemudahan berintegrasi bagi pembuatan sarung tangan getah di Kamunting, Perak.
- V. PNA Technologies Sdn. Bhd., syarikat pembuatan kelengkapan bagi industri automotif yang akan membuat pelaburan di Kampung Gajah, Perak.
- VI. Hicom Teck See Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd, syarikat pembuatan komponen automotif yang akan membina kilang baru di Tanjung Malim, Perak.
- VII. Dynacare Sdn. Bhd, syarikat yang akan membina kilang pengeluaran sarung tangan di Taman Perindustrian Pelabuhan Lumut, Perak.

IPOH, 6 OKTOBER 2021- Negeri Perak berada di landasan kukuh bagi memasuki fasa pemulihan ekonomi apabila merekodkan prestasi pelaburan memberangsangkan sebanyak RM5.2 bilion bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, peningkatan sebanyak 126 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata, nilai pelaburan yang direkodkan dari Januari hingga Jun 2021 itu hampir menyamai prestasi nilai pelaburan keseluruhan sepanjang tahun 2020 yang berjumlah RM5.6 bilion.

Menurutnya, jumlah tersebut turut merangkumi pelaburan RM2.34 bilion daripada lima syarikat yang diumumkan oleh Pihak Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) pada majlis komitmen pelaburan baru-baru ini.

"Prestasi itu menunjukkan Perak masih mampu merekodkan peningkatan pelaburan meskipun berdepan dengan persekitaran sangat mencabar susulan pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan terhadap perjalanan ekonomi utama di seluruh dunia.

"Pelaburan Januari hingga Jun 2021 di negeri Perak didominasi oleh projek-projek perkilangan apabila jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor itu adalah sebanyak RM4.06 bilion meliputi 21 buah projek," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Industri Pelaburan dan Pembangunan Koridor, Dato' Shahrul Zaman bin Yahya dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Encik Arham Abdul Rahman.

Menurutnya, kesemua projek berimpak tinggi itu menyumbang 90 peratus daripada jumlah nilai pelaburan projek perkilangan dan mewakili 70 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan untuk pelbagai sektor yang diluluskan di negeri Perak bagi tempoh Januari hingga Jun 2021.

Selain itu, bagi sektor perkhidmatan dan sektor utama pula, masing-masing mencatatkan jumlah pelaburan yang telah diluluskan sebanyak RM1.15 bilion dan RM0.022 juta dengan 151 projek.

"Kelulusan pelaburan dalam semua sektor diunjur mewujudkan 4,162 peluang pekerjaan baharu kepada rakyat negeri Perak dengan sektor perkilangan menjadi penyumbang terbesar iaitu sebanyak 91.4 peratus.

"Kerajaan negeri akan terus menggiatkan usaha termasuk melipatgandakan kerjasama dengan pihak MIDA yang mambantu memperkasakan proses perniagaan selain meningkatkan kecekapan pelbagai fungsi organisasi," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk PACU@MIDA atau Unit Percepatan dan Koordinasi Projek yang menyediakan bantuan dari hujung ke hujung bagi semua projek yang diluluskan bagi memastikan proses pelaburan dapat dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan.

PERAK PERLUAS

Pakej Rangsangan Ekonomi Bagi Membantu Perusahaan Mikro Kecil Dan Sederhana



IPOH, 19 OKTOBER 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad hari ini melawat 11 perniagaan usahawan pelbagai kategori serta mengumumkan bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) berjumlah RM46.5 juta khusus untuk membantu Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) Negeri Perak.

Pertamanya, bantuan khas *one-off* RM300 kepada 41,730 penaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan peruntukan sebanyak RM12.5 juta. Kedua, Geran Usahawan Perak (GeRUP) berjumlah RM1.85 juta kepada 619 penerima.

Ketiga adalah bayaran pampasan peniaga yang terlibat dengan pembatalan Bazar Aidilfitri tahun ini yang melibatkan dana sebanyak RM30,000 serta pengecualian sewa kepada 10,264 buah gerai di bawah PBT yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM1.6 juta.

Seterusnya, kemudahan moratorium bayaran balik pinjaman Tabung Usahawan Yayasan Perak dan pinjaman mikro kredit Yayasan Bina Upaya (YBU) yang melibatkan 743 peminjam.

Manakala bagi sektor pertanian, kerajaan negeri akan memberi bantuan kepada para petani, penternak dan nelayan seperti bantuan input ladang dan ternakan, pemberian benih dan peralatan aktiviti penuaian hasil pertanian, program pembangunan modal insan serta kotak makanan.

Beliau turut mengumumkan Bantuan Perak Sejahtera Usahawan Kraftangan Perak berjumlah RM182,000 kepada 91 pengusaha kraftangan seluruh negeri Perak yang belum menerima sebarang bantuan dari mana-mana agensi sebelum ini.

"Bantuan *one-off* berjumlah RM2,000 ini diharap dapat membantu usahawan kraf bangkit kembali dalam perniagaan mereka.

"Bukan itu sahaja, sebagai tanda sokongan, saya telah meminta supaya semua agensi negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Perak menggunakan produk-produk usahawan Perak sebagai cenderahati rasmi.



"Daripada lawatan ini, usaha kita menerapkan konsep pendigitalan perniagaan telah memberikan kesan yang positif khususnya dari aspek pemasaran usahawan. Jualan yang dahulunya jatuh telah mula bangkit. Malah, ada perniagaannya meningkat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Saya turut mendapatkan beberapa pandangan dalam usaha kita melaksanakan pelan pemulihan demi merancakkan semula ekonomi rakyat dan negeri.

"Kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Sekretariat Usahawan Negeri (STeP) dan Institut Darul Ridzuan (IDR) akan terus berusaha memperkasakan golongan usahawan untuk membantu mereka membina semula perniagaan selepas pandemik Covid-19," jelas beliau kepada pemberita semasa sidang media Program Lawatan Mesra Usahawan Perak di Mikro Pizza hari ini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Zainol Fadzi bin Hj. Paharudin; YBhg. Datuk Bandar Ipoh, Dato' Hj. Rumaizi bin Baharin; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Puan Halizah binti Sipun yang juga merangkap sebagai Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pengarah Sekretariat Usahawan Negeri (STeP), Encik Mohamad Rozlan bin Mohamad Razali.

PERAK KUMPUL 213.6 TAN METRIK SISA E-WASTE



SELAMA, 23 OKTOBER 2021- Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak berjaya mengumpul sebanyak 213.6 tan metrik sisa barangan buangan elektrik dan elektronik atau 'e-waste' di seluruh negeri bagi tempoh 10 bulan.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Mohamad berkata, jumlah itu adalah peningkatan sebanyak 485 peratus berbanding hanya 44 metrik tan *e-waste* yang berjaya dikumpul dan dikitar semula dalam kempen yang sama pada tahun 2020.

"Kejayaan ini terhasil daripada penglibatan dan komitmen oleh 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 25 syarikat yang menyertai kempen ini secara konsisten dengan sokongan tiga kontraktor pengumpulan berlesen di negeri Perak.

"Selain itu, penglibatan sektor industri dalam kempen tersebut pada tahun ini juga meningkat sebanyak 312 peratus berbanding hanya lapan syarikat yang mengambil bahagian pada tahun 2020," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Alam Sekitar Negara 2021 Peringkat Negeri Perak di Dewan Majlis Daerah Selama di sini.

Hadir sama, YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri, Encik Mohd Akmal Kamarudin; YB Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Perak, Encik Khalil Yahaya dan YBhg. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak, Encik Rosli Zul.



Ujar YAB Dato' Saarani Mohamad lagi, perkembangan tersebut mencerminkan komitmen sektor industri berkaitan pengurusan buangan *e-waste* di negeri Perak menunjukkan peningkatan yang sangat signifikan.

"Kempen yang dilaksanakan sejak tahun 2019 ini bermatlamat menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai bahaya dari buangan *e-waste* selain meningkatkan kesedaran awam untuk menjaga alam sekitar.

"Dengan jalinan kerjasama yang menyeluruh ini, pelaksanaan sistem pengumpulan dan pembuangan barangan elektrik dan elektronik di dalam negeri Perak dapat dijalankan lebih selamat, tersusun dan berkesan," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, YAB Dato' Saarani Mohamad menyeru orang ramai supaya menghantar bahan buangan *e-waste* dari rumah ke pusat-pusat pengumpulan secara sukarela dan tidak membuang buangan yang dikawal ini ke persekitaran atau melalui tong-tong sampah domestik sedia ada.

Ini kerana buangan *e-waste* adalah bahan bertoksik dan berpotensi mengancam kesihatan selain merosakkan alam sekitar.





MELINDUNGI BUKAN MENZALIMI

PENJAWAT AWAM
DINASIHATKAN AMBIL VAKSIN

KUALA KANGSAR, 1 NOVEMBER 2021- Penjawat awam yang belum menerima suntikan vaksin diseru untuk berbuat demikian bagi melindungi masyarakat secara keseluruhan dan bukannya menzalimi mereka.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Mohamad berkata, penjawat awam dan juga rakyat di negeri ini yang belum divaksin perlu berlapang dada dan mengetepikan apa jua pandangan dengan menghadirkan diri ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk menerima suntikan vaksin COVID-19.

"Selagi ada yang tidak mahu ambil vaksin, peluang untuk dijangkiti dan menjangkiti itu sangat tinggi, ia bukan kes terpencil, kita bukan ingin menzalimi tetapi melindungi mereka dan kita bukan paksa tetapi mereka perlu ingat bahawa kakitangan kerajaan terikat dengan peraturan yang ada.

"Tindakan ke atas penjawat awam ini dibuat kerajaan dengan mengambil kira bahawa golongan ini terdedah untuk mendapat jangkitan dan menyebabkan orang lain dijangkiti. Seperti contoh guru dan pekerja yang berada di kaunter, mereka sentiasa berhadapan dengan orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas Sesi Townhall Bersama Penjawat Awam sempena Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) DUN Lubok Merbau di Dewan Millenium, di sini.

Selain bersama penjawat awam, YAB Dato' Saarani Mohamad juga berkesempatan untuk menghadiri sesi Townhall bersama golongan muda, *opinion leader* dan warga pendidik bagi mendengar idea serta pendapat dalam menyelesaikan isu-isu setempat.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan serta YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lubok Merbau, Dr. Haji Jurij Jalaludin.

Ujar YAB Dato' Saarani Mohamad lagi, arahan untuk penjawat awam mengambil vaksin adalah selaras dengan pekeliling awam persekutuan bahawa mereka yang gagal melengkapkan imunisasi COVID-19 boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

"Adalah satu perkara yang malang jika usaha kerajaan persekutuan dan negeri untuk mengekang penularan COVID-19 serta kesedaran terhadap pentingnya vaksinasi ini tidak dipandang serius oleh sesetengah pihak termasuk penjawat awam.

"Kita sudah bertungkus lumus mengatasi penularan COVID-19, jadi tidak adil kepada orang yang telah mengambil vaksin. Kita faham jika ada yang mempunyai masalah kesihatan atau alahan, tetapi mereka yang tidak mahu ambil vaksin ini akan menyusahkan orang lain," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, pada 18 Oktober lalu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021, penjawat awam yang tidak mematuhi arahan daripada ketua jabatan untuk mendapatkan dos vaksin COVID-19 selepas 1 November boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

YAB MB HARAP GURU CEKAL HADAPI **CABARAN** PEMBELAJARAN DIGITAL

KUALA KANGSAR, 9 NOVEMBER 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad telah menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Perak Tahun 2021 yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak di Dewan Jubli Perak, di sini, hari ini.

YAB Menteri Besar menyifatkan tema Hari Guru pada tahun ini iaitu "Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu" adalah bertepatan dengan situasi yang dihadapi oleh warga pendidik sepanjang hampir dua tahun ini.

"Bilik darjah bertukar menjadi *Google Classroom*, *Google Docs*, *Google Slides* dan *Google Meet* di mana sebelum ini, ia adalah istilah yang asing bagi kita. Apabila sekolah ditutup, Whatsapp, Telegram, Wechat dan Facebook menjadi pengantara antara guru dan murid.

"Kita telah memasuki dimensi baru alam pendidikan yang begitu berbeza sifatnya. Cabaran- cabaran ini datang bersama hikmah yang lebih mematangkan profesion perguruan. Dengan titipan hikmah-hikmah itu, mudah-mudahan, warga guru akan lebih kuat mendepani cabaran pada hari-hari mendatang, Insya-Allah," ujar beliau dalam ucapannya.

Turut hadir, Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar, YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja, Dato' Seri Wan Mohd. Fathir@ Wan Fadzir bin Wan Hussain; YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud; YBhg. Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Dato' Dr. Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali dan YBrs. Pegawai Daerah Kuala Kangsar, Encik Zulhisham bin Ahmad Shukori.

Di majlis tersebut, bekas pengetua Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Ipoh, Hj. Abdul Hashim bin Abdul Karim, 63, turut dinobatkan sebagai Tokoh Guru Negeri Perak 2021.

Menurutnya, penganugerahan tersebut memberi semangat kepadanya untuk terus menyumbang kepada masyarakat serta bersedia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran walaupun sudah mengakhiri perkhidmatan pada tahun 2019.

"Saya ingin berpesan kepada para guru di luar sana, nawaitu paling penting. Kita buat yang terbaik, kita perlu anggap anak orang lain seperti anak kita dan Allah akan memberi yang terbaik untuk anak kita," pesan beliau semasa ditemui media.

Beliau yang merupakan guru dalam bidang pertanian turut menggalakkan anak-anak muda menceburi bidang pertanian.

"Bidang pertanian ini amat luas dan dapat memberi peluang cerah kepada anak-anak muda. Malaysia mempunyai banyak tanah terbiar di Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sepatutnya kita membangunkan tanah-tanah ini untuk mengubah nasib diri sendiri dan keluarga.

"Kerajaan juga menyeru kepada anak muda untuk menceburi bidang pertanian seperti menternak ikan Talapia, ayam kampung serta memperluaskan kaedah penanaman secara fertigasi seperti tanaman pokok Cili," jelas beliau.



KUALA LUMPUR, 17 NOVEMBER 2021- Kerajaan Negeri Perak telah mengenal pasti 1,389 projek keutamaan yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad berkata keseluruhan projek yang dikenal pasti ini merangkumi nilai siling sebanyak RM27.58 billion.

"Antara projek utama yang telah dikenal pasti adalah Pembangunan Silver Valley Technology Park (SVTP) dan pembinaan Lebuh raya Pesisiran Pantai Barat (WCE).

"SVTP adalah satu taman perindustrian baharu di Chemor, yang melibatkan kawasan seluas 1,139.2 hektar (2,815 ekar)".

"Projek ini dijangka akan menjadi pemacu sektor pembuatan berteknologi tinggi dan bertindak sebagai pemangkin revolusi industri 4.0".

"Kawasan ini akan dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam tempoh 2021-2024 (4 tahun)," jelas beliau.

Tambah beliau, SVTP akan memberi fokus kepada lima sektor pembuatan utama berteknologi tinggi seperti Sektor Elektrik dan Elektronik, Sektor Peranti Perubatan dan Farmaseutikal, Sektor Sistem Pesawat Udara Tanpa Pemandu (UAV), Sektor Pertanian Pintar dan Sektor Ekonomi Digital.

Manakala, WCE pula adalah projek berimpak tinggi yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

"Buat masa ini, Seksyen 8,9 dan 10 telah mula dibuka kepada rakyat negeri Perak dengan kos RM1.9 billion bagi jajaran di negeri Perak".

"Pembukaan lebuh raya ini akan meningkatkan kesalinghubungan dan memudahkan akses ke kawasan pantai barat dari utara ke selatan Semenanjung Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan siri jerayawara (*roadshow*) RMKe-12 bersama Kerajaan Negeri Perak yang berlangsung di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Sri Mustapa bin Mohamed berkata ia bertujuan untuk menghebahkan dasar, strategi dan inisiatif RMKe-12 kepada semua pihak berkepentingan di peringkat negeri.

Kerajaan Negeri Perak **Kemukakan** **1,389 Projek** **Keutamaan** **Bernilai** **RM27.58 bilion** **RMKe-12**

Menurut beliau, libat urus ini memfokuskan mengenai pembangunan digital di bawah RMKe-12 serta pendigitalan khususnya untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKMS).

Tambahnya, kerajaan akan menubuhkan Majlis Ekonomi Digital dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negeri untuk mengharmonikan pelan pembangunan digital di peringkat pusat dan negeri.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, ketua-ketua jabatan dan wakil pertubuhan masyarakat sivil (CSO).





KERAJAAN NEGERI PERAK RANGKA PELAN PEMULIHAN PASCA COVID-19

BANTU PARA USAHAWAN

BAGAN DATUK, 27 NOVEMBER 2021- Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) Perak diteruskan lagi dengan memberi fokus kepada para usahawan di daerah Bagan Datuk.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad berkata program kali ini bertujuan untuk menilai dan mendengar maklum balas golongan petani dan usahawan terhadap bantuan dan program-program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

"Ini juga membolehkan saya dan kepimpinan negeri merangka Pelan Pemulihan Pasca COVID-19 bagi membantu para usahawan untuk bangkit kembali," ujar beliau dalam sesi Townhall Bersama Masyarakat Usahawan, Penjaja, Peniaga Kecil, Petani, Penternak dan Peladang Bagan Datuk di Dewan Dato' Lope Hashim, Bagan Datuk.

YAB Menteri Besar Perak turut mendengar keluhan para usahawan yang menghadapi kesulitan untuk memajukan kembali perniagaan selepas pandemik ini.

Sehubungan itu, kerajaan negeri akan berusaha untuk membantu para usahawan melalui Belanjawan Negeri 2022 yang akan diumumkan tidak lama lagi.

"Kerajaan negeri akan menampung peruntukan yang tidak disenaraikan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Bajet 2022.

"Contohnya, kita ada menyediakan inisiatif seperti mikro kredit usahawan. Kita tahu yang SME Corporation Malaysia (SME Corp), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pun ada menyediakan inisiatif sama, akan tetapi tidak semua yang memperoleh manfaat.

"Justeru di peringkat kerajaan negeri kita menampung pula dengan menggunakan dana yang ada," jelas beliau.

YAB Menteri Besar telah melawat 9 perniagaan seperti usahawan kraftangan, penternak dan automotif di sekitar daerah ini malah dianggarkan 15 anak pokok Kelapa Pandan telah diagihkan kepada pengunjung di Dataran Bagan Datuk.

Terdahulu, kerajaan negeri melalui Sekretariat Pembangunan Usahawan (STeP) dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi juga telah melaksanakan lebih 95 program yang memanfaatkan 28,752 usahawan pelbagai kategori.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor, Dato' Shahrul Zaman Bin Datuk Yahya; Ahli Parlimen Bagan Datuk, YB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi; Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perak, Puan Norsiyenti binti Othman dan Pengarah Sekretariat Usahawan Negeri (STeP), Encik Mohamad Rozlan bin Mohamad Razali.





SUNGAI SIPUT, 28 NOVEMBER 2021- YAB Menteri Besar Perak mengucapkan tahniah kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim atas komitmen dalam menyahut cabaran penanaman 10 juta pokok bagi tempoh 5 tahun atau 2 juta pokok setahun sehingga tahun 2025.

"Komitmen ini telah diterjemahkan oleh kerajaan negeri melalui penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi tahun 2021 dan Alhamdulillah, KPI tersebut telah tercapai sepenuhnya pada hari ini. Tahniah diucapkan kepada YB Dato' Suaidi serta semua pihak yang menyumbang usaha ke arah pencapaian ini".

"Kejayaan ini adalah manifestasi kepada komitmen berterusan Kerajaan Negeri Perak dalam menggerakkan tindakan mitigasi bagi menangani perubahan iklim bagi kesejahteraan rakyat," ujar beliau semasa merasmikan Program Penghijauan Malaysia Peringkat Negeri Perak: Penanaman Pokok ke-2 Juta di Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput (Utara), Sungai Siput.

YBhg Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Dato' Mohamed Zin bin Yusop turut mengumumkan penglibatan pihak swasta dalam Perak Oxygen-Land Bank (POLB).

Sehingga kini, terdapat 32 syarikat swasta telah menyumbang kepada POLB sejumlah RM280,500 dengan penglibatan penanaman pokok sebanyak 2,683 pokok dan pengambilan sebanyak 49 pokok sedia ada sebagai pokok angkat.

Malah, sebanyak 250 pokok spesies Keruing ditanam pada hari ini di mana YAB Menteri Besar Perak telah menanam pokok ke 2.0 juta iaitu Pokok Keruing Gombang Merah yang merupakan spesies pokok terancam dan perlu dilindungi.

Turut hadir, YB Penasihat Undang-undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin dan YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan.



PERAK KOMITED TANAM

**2 JUTA POKOK SETAHUN
SEHINGGA TAHUN 2025**

PERAK PERUNTUK 3.1 JUTA PERKASA PERTANIAN

IPOH, 30 NOVEMBER 2021- Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Pertanian Negeri Perak telah mewujudkan kempen 'Kebun Kita' yang memperuntukkan RM3.1 juta bagi memperkasakan aktiviti pertanian dalam kalangan masyarakat.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad berkata, terdapat dua bentuk bantuan bagi kempen ini, iaitu bantuan kepada individu dan bantuan kepada komuniti.

"Peserta individu dibekalkan dengan barangan seperti pasu, benih, tanah baja, racun perosak bio (*biopesticide*), bahan tanaman serta manual tanaman.

"Manakala, peserta komuniti pula dibekalkan dengan set sistem fertigasi, baja, tanah dan lain-lain set berkebun.

"Selain menjimatkan belanja, tanaman ini lebih segar dan bebas daripada penggunaan bahan kimia serta dapat mengeratkan lagi hubungan sesama masyarakat sebagai aktiviti riadah santai dan terapi minda," jelas beliau kepada pemberita semasa Majlis Perasmian Petak Promosi Pertanian Bandar Jabatan Pertanian Negeri Perak di Kediaman Rasmi YAB Menteri Besar Perak, hari ini.

Tambahnya lagi, kempen ini bertepatan dengan slogan "tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam, selebihnya boleh jual atau sedekah".

Beliau juga berharap semoga usaha ini akan menjadi pemangkin kepada menyemai kecintaan terhadap usaha menghijaukan bumi dan seterusnya memperkasakan sektor pertanian di negeri Perak.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perak, Puan Norsiyenti binti Othman.





PERAK JAYAKAN PROJEK PEMBANGUNAN HAB DAGING HALAL

IPOH, 2 DISEMBER 2021: Perbadanan Pertanian Negeri Perak (PPNP) telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama Risda Livestock Sdn Bhd (RLSB) dan Pertubuhan Peladang Negeri Perak (PPN) untuk membangunkan Projek Pembangunan Hab Daging Halal.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, melalui MoU ini, RLSB dan PPN akan membekalkan lembu-lembu ternakan kepada PPPNP selaku agensi pelaksana.

"Ia merupakan langkah permulaan untuk menjayakan Projek Pembangunan Hab Daging Halal Negeri Perak yang akan dilancarkan oleh PPPNP kelak.

Projek yang bakal dilancarkan ini juga merupakan kesinambungan daripada usaha PPPNP melalui anak syarikatnya iaitu Eurofresh Sdn. Bhd untuk meneroka pasaran baru melibatkan pengedaran, pembekalan dan perniagaan berasaskan daging tempatan selain produk sejuk beku termasuk daging import" katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir menyaksikan Majlis Menandatangani MoU Antara PPPNP Bersama Risda Livestock SDN BHD (RLSB) Dan Pertubuhan Peladang Negeri Perak (PPN) di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Hadir sama, YB Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Perak, Dato' Sham Mat Sahat; Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Tuan Haji Yahanis Yahya dan Pengurus Operasi Risda Livestock, Encik Syed Kudri Tuan Dalam.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, inisiatif tersebut selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak dalam memastikan keterjaminan bekalan makanan.

"Selain itu juga, kita juga ingin memperkasakan industri penternakan agar ia dapat memberi manfaat kepada golongan petani dan penternak.

"Ini merupakan hasrat kerajaan negeri bagi tahun 2022 iaitu memberi keutamaan dalam menerajui sektor agro pertanian yang memfokuskan kepada empat komponen utama iaitu perluasan ladang baru, pelaburan strategik, pembangunan usahawan dan kebajikan sosial," ujarnya lagi.



YAB Menteri Besar Perak ketika sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani MoU Antara PPPNP Bersama Risda Livestock SDN BHD (RLSB) Dan Pertubuhan Peladang Negeri Perak (PPN)



PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN



DITUBUHKAN DI UPSI

TANJUNG MALIM, 8 DISEMBER 2021 - Kerajaan akan menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Keluarga Malaysia bagi menerajui penyelidikan dan mempromosikan konsep keluarga Malaysia di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini.

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berkata, pusat tersebut akan menjadi peneraju penyelidikan dan mempromosikan konsep 'Keluarga Malaysia'.

Menurutnya, penubuhan pusat itu di UPSI sesuai dengan jolakan universiti itu sebagai institusi ulung yang membawa perubahan dalam pengembangan pendidikan.

"Menjadi harapan saya agar pusat ini nanti berupaya menginstitusikan 'Keluarga Malaysia' dengan menjadi hab penyelidikan, pendidikan, latihan dan penyebaran ilmu dalam kalangan warga Malaysia.

"Saya sangat optimis dengan kreativiti, inovasi serta kolaborasi strategik yang melibatkan pelbagai pihak, pusat ini dapat memainkan peranan yang signifikan dalam meningkat, mempromosi dan menyebarkan lagi konsep serta usaha membudayakan nilai-nilai pengayaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada perasmian Keluarga Malaysia@Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Dewan Tuanku Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini. Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad; YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan YB Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon, Timbalan Menteri Pendidikan.

Ujar YAB Dato' Sri Ismail Sabri lagi, warga IPT, khususnya anak muda diseru untuk menghayati teras dan nilai utama Keluarga Malaysia iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

"Sedar atau tidak, kebanyakan masa, khususnya pelajar sekalian berluang masa di kampus dengan rakan-rakan seperjuangan dan juga pensyarah menyerlahkan kebersamaan sebagaimana semangat Keluarga Malaysia.

"Oleh itu, aura Keluarga Malaysia dapat dilakar melalui kerjasama yang harmoni, sikap saling menghormati dan keterbukaan pelajar terhadap perbezaan," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia telah dilancarkan pada 28 Oktober 2021 yang lalu di mana ia bertepatan dengan nilai kebersamaan yang menjadi antara tunjang Keluarga Malaysia.

Selain itu, penubuhan yayasan itu seiring dengan prinsip kerajaan untuk sentiasa memastikan tiada seorang pun yang tercicir atau terpinggir.





PEJABAT MENTERI BESAR PERAK
ATLET NEGERI PERAK
terima Insentif Kewangan
kerajaan negeri

IPOH, 15 DISEMBER 2021- Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Sukan Negeri Perak telah menyampaikan insentif kemenangan dan kecemerlangan sukan kepada tiga penerima yang telah membawa nama negeri Perak ke persada dunia.

Pasukan Hoki Lelaki Negeri Perak menerima insentif sebanyak RM100,000 atas kejayaannya menjuarai Kejohanan Hoki Piala Tun Abdul Razak edisi ke-59 2021.

Selain itu, atlet Orang Kelainan Upaya (OKU), Cheah Liek Hou menerima insentif sebanyak RM25,000 atas kejayaan merangkul Pingat Emas dalam Sukan Badminton di Temasya Sukan Paralimpik 2020.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad turut menyampaikan sumbangan kewangan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat (SMKGR) sebanyak RM3,000 sebagai tanda penghargaan kepada pihak sekolah.

"Kerajaan negeri menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada para atlet serta pihak SMKGR yang mengharumkan nama negeri ini.

"Antaranya adalah Muhammad Azeem bin Mohd Fahmi yang mencatat 21.24 saat dalam acara 200m di Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Johor 2019 yang meletakkannya sebagai remaja terpanas dunia.

"Sekolah ini juga lahirkan Nur Amisha binti Azril Rizal, juara Kejohanan Muay Thai Remaja Dunia di Bangkok, Thailand 2016," jelas YAB Menteri Besar Perak.

Dalam perkembangan sama, SMKGR telah dijadikan sebagai pusat latihan bagi acara pecut kebangsaan apabila jurulatih, Mohd Poad bin Md. Kassim serta dua atlet pecut iaitu Khairul Hafiz bin Jantan dan Muhammad Haiqal bin Hanafi meneruskan latihan mereka di negeri ini.

Hadir sama, YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril bin Mohamed; Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) Perak, Encik Johari Sham bin Ahmad Shohor Affendi; Pengetua SMKGR, Encik Ahmad Haridan bin Mohammed serta Presiden Persatuan Hoki Perak, Sayuti bin Abd Samat.



YAB Menteri Besar Perak Rasmi MESYUARAT PERTAMA, PENGGAH PERTAMA, DEWAN BELIA KE-3



IPOH, 4 DISEMBER 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad telah merasmikan Pembukaan Sidang Dewan Belia Perak, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Dewan Belia Ke-3 yang berlangsung dari 4 Disember 2021 hingga 5 Disember 2021 di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh.

Dalam ucapannya, beliau menekankan mengenai pengangguran di Perak sekali gus berharap dewan ini menjadi platform kerajaan negeri meningkatkan prestasi belia.

"Menurut statistik Tenaga Buruh Malaysia 2020, kadar pengangguran belia yang berumur 15 hingga 24 tahun meningkat sebanyak 1.5 peratus kepada 12.0 peratus berbanding tahun 2019, 10.5 peratus.

"Turut direkodkan seramai 314 ribu penganggur belia pada tahun 2020 berbanding tahun 2019, 295.8 ribu orang. Manakala, mengikut negeri, Perak menduduki tangga ketiga teratas dengan 4.8 peratus.

"Oleh itu, sidang kali ini amat signifikan dan menjadi pentas terbaik untuk para belia mengetengahkan buah fikiran dan memperdebatkan isu-isu penting serta mendasar. Gandingan idea dari belia dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan kerajaan negeri, Insya Allah dapat melonjakkan prestasi belia di negeri ini," ujar beliau.

Persidangan kali ini terdiri daripada 61 orang ahli dewan belia di mana 59 orang ahli dipilih secara undi bagi mewakili dun masing-masing serta 2 orang ahli turut dilantik bagi mewakili masyarakat orang asli dan belia Orang Kurang Upaya (OKU).

Turut berlangsung sesi mengangkat sumpah oleh Timbalan Yang Dipertua Dewan Belia 1, Tuan Aswannudin bin Hariffudin dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Belia 2, Encik Muhammad Ariff Zaky bin Dato' Hj Mohd Zolkafly serta para Perwakilan Dewan Belia.

Kedua-dua Timbalan Yang Dipertua Dewan Belia akan mempengerusikan dewan kali ini berikutan Yang Dipertua Dewan Belia, YB Jamilah Zakaria tidak dapat hadir kerana sedang menjalani tempoh kuarantin kontak rapat COVID-19.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan YB Pengerusi Jawankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Media, Encik Khairul Shahril Bin Mohamed.

Pada masa yang sama, Lantikan Khas Orang Kurang Upaya (OKU), Norfarrah Syahirah bin Shaari, 33, turut berkongsi kepada media, pada persidangan kali ini beliau akan mengusulkan mengenai program sumbangan kelengkapan perlindungan diri (PPE) bersama OKU yang melibatkan para barisan hadapan bagi memperkasakan golongan OKU.

"Program ini melibatkan 6 orang pekerja OKU yang akan menjahit baju PPE sebagai sumbangan kepada hospital-hospital di sekitar Perak.

"Ini adalah salah satu cara bagi melatih kemahiran OKU menjahit serta mampu meningkatkan taraf hidup mereka," jelasnya.



IPOH, 10 DISEMBER 2021 - Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan sejumlah RM1.1 bilion bagi Belanjawan Perak 2022.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, belanjawan itu dirangka berdasarkan unjuran hasil dan terimaan pembangunan RM1.06 bilion.

"Daripada unjuran hasil dan perbelanjaan, Belanjawan 2022 Perak dicadangkan sebagai belanjawan defisit RM50 juta,"

"Selain itu, bagi belanja mengurus ia terdiri daripada perbelanjaan emolumen RM390.2 juta, perkhidmatan dan bekalan RM296.3 juta, pembelian aset RM7.2 juta, pemberian dan kenaikan bayaran tetap RM102.7 juta, serta lain-lain perbelanjaan RM6.6 juta

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan Perak 2022 yang bertemakan "Perak Negeri Berdaya Tahan, Mampan dan Inklusif" di Dewan Negeri Perak di sini.

Menurut YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, bagi mengukuhkan strategi merencanakan semula ekonomi negeri, dana pembangunan tambahan melalui Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM47 juta telah disediakan.

Tambahnya, dana itu akan digunakan untuk membiayai Pakej Rangsangan Ekonomi Perak Sejahtera (PRE Perak Sejahtera).

"Sehubungan itu, jumlah keseluruhan peruntukan dan dana bagi maksud pembangunan negeri pada tahun hadapan adalah RM349 juta," tambahnya.

Ujar beliau lagi, Belanjawan Perak 2022 juga akan didukung oleh komitmen kewangan oleh syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) untuk terlibat secara langsung dalam program-program kesejahteraan rakyat termasuk dalam bidang pendidikan, pertanian dan keusahawanan.

"Dalam situasi rakyat berdepan waktu-waktu sukar untuk bangkit daripada krisis kesihatan yang hampir dua tahun menghimpit kehidupan, peranan GLC sangat diperlukan supaya keuntungan yang dijana dapat dikongsi demi pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat.

"Oleh itu, bagi tahun 2022, kerajaan negeri telah menetapkan lima fokus utama dalam memastikan kedudukan kewangan negeri kekal teguh untuk mengharungi bulan-bulan mendatang yang ketidakpastian tanpa mengabaikan tanggungjawab memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat tetap terpelihara.

"Lima fokus itu ialah Menjana Semula Ekonomi dan Mengupayakan Sara Diri Rakyat; Memakmur dan Mensejahterakan Rakyat; Mengukuhkan Modal Insan dan Pembangunan Sosial; Memantapkan Tadbir Urus dan Pendigitalan; dan Memulihara Khazanah Alam Sekitar," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, melalui belanjawan itu juga, kerajaan negeri telah mengumumkan pemberian bantuan khas kewangan sebanyak RM1,000 kepada setiap penjawat awam di negeri Perak.

Ia merupakan tanda penghargaan kepada penjawat awam negeri yang setia bersama-sama mengharungi COVID-19.





▶ FOKUS 1

**MENJANA SEMULA EKONOMI DAN
MENGUPAYAKAN SARA DIRI RAKYAT**

**JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN RM 111.3 JUTA**
RM 109.3 JUTA (NEGERI)
RM 2.0 JUTA (PERSEKUTUAN)

RUMAH PERAKKU PRIHATIN
RM 5.0 JUTA

JABATAN KERJA RAYA
RM 153.0 JUTA

MARRIS
RM 570.0 JUTA

MASJID
RM 6.0 JUTA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
RM 5.0 JUTA

PELANCONGAN : RM 20.3 JUTA
RM 7.8 JUTA (NEGERI)
RM 12.5 JUTA (PERSEKUTUAN)

ASAS TANI : RM 56.4 JUTA
RM 51.4 JUTA (NEGERI)
RM 5.0 JUTA (PERSEKUTUAN)

PELABURAN : RM 4.5 JUTA
RM 1.5 JUTA
RM 3.0 JUTA

USAHAWAN : RM 3.5 JUTA
RM 51.4 JUTA (NEGERI)
RM 5.0 JUTA (PERSEKUTUAN)

PROGRAM TEDUHAN KASIH
RM 1.0 JUTA

KAD PERAK PRIHATIN
RM 22.8 JUTA

PAKEJ RANSANGAN EKONOMI
RM 47.0 JUTA

BAS PERAK SEJAHTERA
RM 2.1 JUTA

**PERAK CHILDREN COMMUNITY
FEEDING RM 0.5 JUTA**

KOTAK MAKANAN
RM 3.0 JUTA

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
RM 5.0 JUTA

INFRASTRUKTUR TAHFIZ DAN SAR
RM 22.8 JUTA

**LEMBAGA PERUMAHAN DAN
HARTANAH PERAK**
RM 3.0 JUTA

PELBAGAI PROJEK
RM 17.9 JUTA

PENGAMBILAN TANAH
RM 15.0 JUTA

JABATAN AGAMA ISLAM
RM 1.6 JUTA



▶ FOKUS 2

**MEMAKMUR DAN MENSEJAHTERAKAN
RAKYAT**



▶ FOKUS 3

**MENGUKUHKAN MODAL INSAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

SEKTOR PENDIDIKAN
RM 34.7 JUTA

SUMBANGAN SOSIAL
RM 46.4 JUTA

**PROGRAM PENDAYAUPAUYAAN
WANITA RM 2.4 JUTA**


**PEMBANGUNAN SUKAN DAN
PEMERKASAAN ANAK MUDA**
RM 1 JUTA

**PROGRAM KESIHATAN NEGERI
PERAK RM 0.5 JUTA**

**JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PERAK RM 43.4 JUTA**

**KUMPULAN WANG
PENDAHULUAN MEMBELI
KENDERAAN RM 1.0 JUTA**

**KUMPULAN WANG
PENDAHULUAN DIRI
(PEGAWAI AWAM) RM 1.0 JUTA**



▶ FOKUS 4

**MEMANTAPKAN TADBIR URUS
DAN PENDIGITALAN**

**NAIK TARAF PERKHIDMATAN
TELEKOMUNIKASI DAN INTERNET
JABATAN RM 7.5 JUTA**

**BELANJA MENGURUS PEJABAT
DAERAH DAN TANAH RM 109.0 JUTA**

INSTITUT DARUL RIDZUAN (IDR)
RM 3.0 JUTA

**JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG**
RM 12.3 JUTA

**INTEGRASI DAN
PENGUKUHAN
MASYARAKAT**
RM 5.0 JUTA

**TABUNG AMANAH
KAJIAN RM 0.5 JUTA**

**BELANJA MENGURUS
PEJABAT PENGARAH
TANAH DAN GALIAN
NEGERI PERAK**
RM 18.1 JUTA

**BANTUAN KHAS KEWANGAN KEPADA
SETIAP PENJAWAT AWAM NEGERI PERAK**
RM 1,000 RM 10.0 JUTA

**PERUNTUKAN KEPADA ADUN DAN
YB SPEAKER RM 18.0 JUTA**

PROGRAM DENAI SUNGAI
RM 2.0 JUTA

**PROGRAM PERAK BUMI
LESTARI RM 1.0 JUTA**

**PERBADANAN TAMAN
NEGERI PERAK RM 3.5 JUTA**



▶ FOKUS 5

**MEMULIHARA KHAZANAH
ALAM SEKITAR**

BELANJAWAN PERAK 2022 LULUS

IPOH, 17 DISEMBER 2021- Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak sebulat suara meluluskan Belanjawan Negeri Perak 2022.

Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan Tahun 2022 Dan Usul Kumpulan Wang Pembangunan 2022 itu diluluskan sebulat suara selepas bacaan kali ketiga oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad.

Seramai 42 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan RUU berkenaan yang telah berlangsung selama tiga hari bermula Isnin.

Daripada jumlah berkenaan, 18 ADUN daripada blok Kerajaan, 23 Pembangkang dan seorang wakil rakyat Bebas.

Dalam perkembangan yang sama, YAB Menteri Besar Perak turut mengatakan sebanyak lima syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah memberi sumbangan kepada hasil negeri.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan pada persidangan Dewan Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

"Setakat 16 Disember 2021, jumlah sumbangan GLC yang telah diterima adalah RM40.15 juta.

"Antaranya Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) sebanyak RM17.0 juta, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) sebanyak RM5.0 juta, Perbadanan Menteri Besar (MB Inc.) sebanyak RM3 juta, Lembaga Air Perak (LAP) sebanyak RM15 juta dan Digital Perak Corporations Holding (DPCH) sebanyak RM150 ribu.

"Selain itu, pada tahun 2021, PPPNP telah berupaya menghasilkan sebanyak RM22 juta, manakala MB Inc. menghasilkan sebanyak RM50 juta dalam bentuk royalti bahan batu bagi tahun 2019 hingga tahun 2021.

"Sementara itu, LAP turut menyumbang RM25 juta bagi tahun 2021 bayaran royalti air mentah," jelasnya.

Menurut beliau terdapat juga sumbangan secara langsung kepada rakyat melalui inisiatif-inisiatif bagi merancakkan sektor pertanian dan usahawan serta program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

"Sebagai contoh, PPPNP telah melancarkan program Pertanian Bandar dengan jumlah keluasan sekitar 7.47 ekar serta melibatkan 6,540 peserta.

"Selain itu, pembangunan hub halal daging Perak juga dapat melonjakkan pengeluaran daging lembu di negeri Perak.

"Usahawan-usahawan di negeri Perak juga mendapat sokongan agensi Kerajaan negeri Perak seperti PPPNP, Yayasan Perak, Yayasan Bina Upaya melalui program-program pembangunan usahawan yang menyediakan geran, pinjaman tanpa faedah, kursus, serta program pemantapan usahawan di negeri Perak," katanya.

DEWAN NEGERI PERAK

KOMITED PERKASA PENYELIDIK



IPOH, 24 NOVEMBER 2021- Dewan Negeri Perak terus komited dalam memperkasakan penyelidik serta pegawai-pegawai khas berhubung dengan penyelidikan yang signifikan kepada hal hal dewan negeri.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, YB Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid berkata, hal ini amat penting dalam membuat setiap keputusan bagi kepentingan rakyat di negeri Perak.

"Pada masa kini, Dewan Negeri Perak mempunyai 3 orang Pegawai Penyelidik di Unit Penyelidikan Dewan Negeri Perak yang menjalankan kerja penyelidikan berkaitan Dewan.

"Mereka juga turut sama menjadi sebahagian daripada sekretariat Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Negeri Perak dalam memastikan kerja-kerja penyelidikan dan pelaporan dibuat dengan teliti dan teratur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Pemeraksanaan Penyelidik Dewan Negeri anjuran Dewan Negeri Perak dan Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM) di Hotel Casuarina@Meru, di sini.

Ujar YB Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid lagi, Dewan Negeri Perak turut mengalu-alukan penyelidikan daripada universiti awam atau swasta, badan bukan kerajaan malah badan pemikir di dalam negeri untuk turut sama menyumbang hasil penyelidikan mereka kepada Ahli Dewan Negeri dalam menjadikan institusi ini sebuah '*informed legislative body*'.

"Mungkin sudah sampai masanya badan perundangan seperti Parlimen mahu pun Dewan Negeri mengadakan satu kajian berhubung keperluan ahli-ahli Dewan Negeri mempunyai penyelidik secara khusus kepada mereka dalam membantu kerja-kerja penyelidikan yang gaji mereka boleh dibayar kerajaan.

"Idea seperti ini telah lama dipraktikkan di beberapa buah negara Komanwel seperti United Kingdom, Australia dan sebagainya," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, Bengkel Pemeraksanaan Penyelidik Dewan Negeri telah disertai 80 peserta terdiri daripada pegawai khas YAB Menteri Besar, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri Perak, penyelidik Dewan Negeri Perak serta perwakilan Dewan Belia Perak.

Penganjuran bengkel berkenaan bertujuan memberikan pendedahan kepada para peserta berhubung dengan amalan terbaik penyelidikan perkhidmatan badan perundangan atau legislatif, khususnya dalam memberikan perkhidmatan kepada semua ahli Dewan.



Kunjung Hormat **DOTA BESAR JERMAN KE PERAK**

IPOH, 26 NOVEMBER 2021- YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Encik Mohd Akmal bin Kamarudin pada hari ini telah menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Jerman ke Malaysia, TYT Dr. Peter Blomeyer di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Dalam kunjungan tersebut, fokus utama perbincangan adalah mengenai Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030 yang melibatkan 5 teras strategik iaitu pertanian, sosioekonomi, alam sekitar, prasarana dan digital.

Terdahulu, Taiping telah dinobatkan sebagai bandar ketiga paling mampan di dunia semasa Anugerah 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2019 pada Program Pelancongan Antarabangsa di Berlin, Jerman.

Turut serta menerima kunjungan beliau adalah YBrs. Timbalan Pengarah Sektor Bahagian Unit Perancang Ekonomi Negeri, Encik Kumaresan A/L Lingam.



KBS LAHIRKAN 10,000 SUKARELAWAN BELIA NASIONAL TAHUN HADAPAN



IPOH, 5 DISEMBER 2021: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan melahirkan 10,000 sukarelawan menerusi inisiatif Sukarelawan Belia Nasional (BENA) mulai tahun hadapan.

YB Menteri Belia dan Sukan, Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, inisiatif yang dinamakan Sukarelawan Belia Nasional (BENA) itu bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kebolehan di kalangan alumni atau bekas peserta program kementerian.

"Peserta akan dibimbing dan dilatih secara 'upskilling' dan 'reskilling' bagi membantu usaha KBS dalam pemerkasaan komuniti di peringkat akar umbi.

"Selaku Duta Sukarelawan, peserta akan bertindak sebagai sukarelawan bagi menggerakkan kerja kesukarelawanan pasca bencana serta pengurusan acara dan sukan di peringkat komuniti setempat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Kesukarelawan Belia Malaysia 2021 Peringkat Kebangsaan di di Hotel Casuarina@Meru, di sini.

Hadir sama YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Perak, Encik Khairul Shahril Mohamed; YBrs. Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Puan Ramona Mohd Razali dan YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Datuk Dr. Wasitah Mohd Yusof.

Ujar YB Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu lagi, peserta akan terdiri daripada alumni program KBS dan juga mereka yang berminat untuk melibatkan diri dalam usaha untuk memperkasakan komuniti.

"Kita bantu menangani masalah kesihatan mental, masalah sosial serta membantu meningkatkan sosio-ekonomi daripada kalangan masyarakat, terutamanya golongan belia di peringkat akar umbi.

"Selain itu, inisiatif BENA turut diperkasakan dengan penubuhan Pusat Panggilan Sukarelawan sebagai pusat sehati untuk mendapatkan khidmat sukarelawan secara sistematik," ujarnya lagi.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan Anugerah Ikon Sukarelawan Lelaki, Wanita dan Anugerah Khas 2021.

Fauzi Acho dari Sabah menerima Anugerah Ikon Sukarelawan Lelaki dan Puteri Seri Mawar Megat Abdul Rahmani dari Kedah menerima anugerah Sukarelawan Wanita 2021 manakala Nermesh Singh a/l Gurbish Singh dari Perak menerima Anugerah Khas Sukarelawan 2021.



MUHAMMAD NAIM AL-AMIN SAHARUDIN

EZATUL FARHANA ROHA



IPOH, 8 DISEMBER 2021 - Kerajaan Negeri Perak sentiasa memberi pengiktirafan dan penghargaan di atas peranan serta sumbangan besar warga belia dengan mengadakan Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Perak.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril Mohamed berkata, warga belia telah membentuk hampir 68% populasi tenaga kerja negara dan juga mewakili hampir 47% daripada keseluruhan populasi Keluarga Malaysia.

"Dekad Ini, Dekad Anda", merupakan tema yang sungguh signifikan dan ianya meneruskan legasi sebelumnya agar menjadi pendorong generasi belia Keluarga Malaysia supaya lebih semangat dan komited dalam merencana masa depan.

"Ianya telah menggambarkan kesungguhan kerajaan untuk berganding bahu bersama golongan belia yang menjadi penyumbang utama kepada hala tuju pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Majlis Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Perak di Dewan Konvensyen, Casuarina@Meru, di sini.

Hadir sama Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Perak, Encik Mohd Soufi Mohd Ibrahim serta Presiden Majlis Belia Negeri Perak, Encik Aswannudin Hariffudin.

Ujar YB Encik Khairul Shahril Mohamed lagi, sudah hampir dua tahun dunia dan negara berada dalam keadaan pandemik sehingga menyebabkan belia resah dan gelisah memikirkan ujian demi ujian yang datang melanda.

"Ada yang hilang pekerjaan, perniagaan jatuh merudum dan keadaan kehidupan menjadi tidak tentu hala sehingga ada yang mengalami tekanan serta masalah mental."

KERAJAAN PERAK IKTIRAF, HARGAI PERANAN WARGA BELIA

"Bagi menyelesaikan permasalahan itu, kerajaan cukup prihatin dengan nasib yang menimpa rakyat amnya dan golongan belia dengan menawarkan pelbagai inisiatif antaranya Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang diumumkan oleh kerajaan melalui Bajet 2022.

"Bantuan tersebut merupakan antara fokus utama dalam pembentangan Bajet 2022 dan diharapkan dapat mengurangkan beban rakyat termasuk golongan belia yang cukup terkesan akibat penularan wabak COVID-19," ujarnya lagi.

Terdahulu, YB Encik Khairul Shahril Mohamed yang mewakili YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkesempatan menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) 2021 Peringkat Negeri Perak.

Sebanyak tujuh anugerah khas dan tiga anugerah sedia ada yang ditetapkan Kementerian Belia dan Sukan telah disampaikan.

Antaranya Anugerah Khas Belia Kategori Kepimpinan; Kesukarelaan; Keusahawanan; Kemahiran; Kelainan Upaya; Orang Asli serta Penggiat Sukan dan kategori individu lelaki, wanita serta pertubuhan belia.





Perak Lancarkan Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 [Penggantian]

TAPAH, 28 Oktober 2021 - Kerajaan Negeri Perak fokus dalam menjadikan "Perak Negeri Berpendapatan Berkualiti 2040" dengan melancarkan Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian).

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Dato' Nolee Ashilin Binti Dato' Mohammed Radzi berkata, Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 adalah draf yang menggantikan Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2020 yang tamat tempoh perancangannya pada tahun 2020.

"Melalui kajian yang dijalankan, cadangan pembangunan bagi Daerah Batang Padang sehingga tahun 2035 adalah berteraskan kepada prinsip pembangunan mampan, berdaya huni, berkualiti dan pembangunan masyarakat yang inklusif.

"Kita mahu memastikan satu cadangan pembangunan yang menyeluruh disediakan dan dibentangkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan termasuk badan-badan bukan kerajaan bagi memastikan fokus pembangunan bagi daerah Batang Padang dibangunkan sebagai Bandar Pendidikan," katanya.

Beliau yang mewakili YAB Menteri Besar Perak, berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Perasmian Program Publisiti Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) di Dewan Merdeka, di sini.

Hadir sama, YBrs. Pengarah PLANMalaysia Perak, Puan Hajah Asni binti Mustafa; YBrs. Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Tuan Haji Muhamad Sahlan bin Husnin dan YBrs. Pegawai Daerah Batang Padang, Tuan Shahrul Affendi Bin Baharudin.

Ujar YB Dato' Nolee Ashilin lagi, dengan rangsangan pembangunan semasa bagi perindustrian utama di Kossan Glove City, Tapah telah memberi impak kepada pembangunan kawasan Tapah dengan pewujudan peluang-peluang pekerjaan, peningkatan kepada keperluan perumahan dan perniagaan serta aktiviti perkhidmatan di kawasan ini.

"Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 telah meletakkan Bandar Tapah sebagai pusat separa wilayah negeri dan merupakan Bandar Pendidikan serta Pusat Penyelidikan dan Pembangunan. Bagi Daerah Batang Padang, fokus untuk meningkatkan ekonomi penduduk setempat kepada aktiviti yang menjana pendapatan perlu diberi perhatian khusus.

"Oleh itu, hala tuju Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 adalah memberi tumpuan sebagai Daerah Lestari, Berdaya Maju dan Berdaya Huni. Selain itu, dalam usaha untuk mencapai misi ini, prinsip pelaksanaan pembangunan akan ditumpukan kepada aktiviti pelancongan, pendidikan dan industri sumber jaya," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, dengan komitmen yang jitu dan kerjasama yang erat di kalangan jabatan/agensi termasuk pemimpin masyarakat yang turut bersama-sama menggembelng idea dan pandangan, sebanyak lima Draf Rancangan Pemajuan akan dipublikasikan kepada orang awam yang dimulai dengan Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035; Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035; Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035; Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035; dan Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Warisan Taiping.





EKSA SUK PERAK DILANCARKAN



IPOH, 29 OKTOBER 2021- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim telah menyempurnakan Pelancaran Perlaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK Perak) di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

YB Dato' Ahmad Suaidi telah menyampaikan Buku Garis Panduan EKSA SUK Perak kepada YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Puan Nor Sham binti Rahman dan Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN), Puan Dr. Hartini binti Mohd Nasir yang mewakili YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) sebagai simbolik pelancaran tersebut.

Hadir sama, YBrs. Puan Zuriati binti Zainal, Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Korporat selaku urusetia EKSA SUK Perak.

Terdahulu, SUK Perak telah menerima Sijil Cemerlang EKSA bagi tahun 2017 yang dianugerahkan oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pelancaran hari ini bertujuan untuk memperbaharui pensijilan yang telah diterima. EKSA mula diamalkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak secara rasminya pada tahun 2017 bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan dalam masa yang sama dapat mengekalkan imej korporat di pejabat. Amalan ini diharapkan dapat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.

IPOH, 4 NOVEMBER 2021 - YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad mendahului 192 penerima Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, tahun ini.

YAB Dato' Saarani menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (SPMP) yang membawa gelaran Dato' Seri dan diikuti YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin yang menerima Darjah Paduka Cura Si Manja Kini (DPCM) dan membawa gelaran Dato'.

Perkara ini dimaklumkan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Jeneral Dato' Seri Diraja YABhg. Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi bin Haji Zainuddin (Bersara) dalam satu sidang khas bertempat di Laman Seri Ridzuan.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim.

Selain itu, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak, YBrs. Puan Nor Sham binti Rahman dan Ketua Protokol dan Istiadat Negeri Perak, YDH Toh Jana Pahlawan SAC (B) Abu Bakar bin Romlee merupakan antara 13 penerima Darjah Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato'.

Beliau turut memaklumkan Darjah Panglima Taming Sari (DPTS) akan dikurniakan kepada empat penerima yang akan membawa gelaran Dato' Pahlawan.

Dalam masa yang sama, seramai sembilan penerima akan menerima Darjah Paduka Cura Si Manja Kini (PCM), 23 menerima Darjah Paduka Mahkota Perak (PMP), lapan menerima Darjah Ahli Cura Si Manja Kini (ACM) dan 44 menerima Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP). Manakala 47 penerima akan menerima Pingat Pekerti Terpilih (PPT), 33 menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan sembilan menerima Pingat Lama Perkhidmatan (PLP).

Menurut YABhg. Tan Sri Mohd Zahidi lagi, Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan akan melibatkan pengurniaan yang membawa gelaran Dato' Seri, Dato' Seri Panglima, Dato' dan Dato' Pahlawan yang akan diadakan pada 14 November 2021 (Ahad), bertempat di Balairong Seri, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar. Siri ini akan melibatkan 19 penerima pada tahun 2020 dan 19 penerima pada tahun 2021.

192 PENERIMA

DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI PERAK TAHUN 2021

Istiadat pengurniaan bagi siri seterusnya akan dianjurkan mengikut tarikh yang akan diperkenankan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan tertakluk kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di negeri Perak.

Jelasnya, pengurniaan pada tahun ini juga adalah tertumpu kepada pasukan barisan hadapan yang telah banyak berkorban masa dan tenaga, untuk berjuang menentang dan mengekang penularan wabak pandemik COVID-19, terutamanya di negeri Perak Darul Ridzuan.

"Pengurniaan ini diharapkan akan dapat menaikkan semangat serta moral pasukan barisan hadapan, dalam usaha mereka memastikan keselamatan rakyat negeri Perak dari jangkitan COVID-19", katanya.

Sambutan ulang tahun kali ini dimulakan dengan Majlis Kesyukuran yang akan diadakan di Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar pada waktu Solat Jumaat, 5 November 2021. Majlis yang sama turut diadakan di semua masjid daerah di seluruh negeri Perak yang akan diketuai oleh Orang Besar Jajahan dan Pegawai Daerah.

Beliau juga menyeru kepada seluruh rakyat negeri Perak untuk bersama-sama meraikan dan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan mengibarkan bendera negeri di bangunan-bangunan pejabat, perniagaan dan kediaman masing-masing.





BKP JUARAI

PERTANDINGAN TENPIN BOWLING

BERSAMA YB SUK PERAK

IPOH, 10 DISEMBER 2021- Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) menjuarai Program Pertandingan Tenpin Bowling, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Warga Kerja Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Selain itu, Naib Johan telah dirangkul oleh Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Pejabat Menteri Besar di tempat Ketiga.

Pertandingan yang diadakan bertempat di Ipoh Bowl, Kinta City kerjasama Kelab Seri Perak Darul Ridzuan (KESEDAR) dan urusetia BKP itu telah dirasmikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim.

Ia juga telah disertai oleh seramai 84 peserta terdiri daripada 14 bahagian jabatan.

Antara objektif utama pertandingan tersebut adalah untuk menghargai peranan tugas kerja di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kerja Bangunan Perak Darul Ridzuan serta menyemarakkan semangat kesukanan.

Pada masa yang sama, bagi kategori individu, Encik Faiz Miza bin Yop Zain dari BKP telah menjuarai kategori lelaki dan Puan Nursyamimi binti Supadi dari BKP telah menjuarai kategori wanita.

Hadir sama, YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pengurusan), Dato' Nor Sham binti Rahman; YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Puan Halizah binti Sipun yang juga merangkap sebagai Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN); YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan dan YB Penasihat Undang-undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin.





Penjawat Awam **PERLU TADBIR BERPANDUKAN AL-QURAN**

IPOH, 25 NOVEMBER 2021- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK Perak) telah menerima sumbangan al-Quran daripada Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) semasa Majlis Penyerahan Sumbangan Wakaf al-Quran di Bangunan Perak Darul Ridzuan hari ini. Sumbangan tersebut merupakan 5 set yang terdiri daripada 7 jenis Al-Quran.

Sumbangan tersebut telah diwakili oleh YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pengurusan), Dato' Nor Sham binti Rahman yang juga merangkap Naib Yang Dipertua Kelab Seri Perak Darul Ridzuan (KESEDAR) sebagai penerima.

"Wakaf al-Quran ini akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak Biro Agama KESEDAR yang diketuai oleh YBrs. Timbalan Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) Perak, Encik Mazlan bin Mohamad seterusnya menjayakan misi *Quran Hour* bagi menyemarakkan lagi budaya membaca Al-Quran.

"Pihak SUK Perak amat menghargai jalinan kerjasama bersama WUIF. Semoga jalinan kerjasama ini dapat dikekalkan dan diteruskan sentiasa," jelas beliau dalam ucapannya.

Menurut YBhg. Penasihat Rumah Ngaji Negeri Perak, Datuk Normah Hanum binti Dato' Ibrahim yang mewakili WUIF berkata, setiap penjawat awam perlu menghargai masa berdasarkan Surah Al-Asr dan mentadbir negara berpandukan al-Quran.

Turut berlangsung sesi Penyerahan Wakaf al-Quran sebagai simbolik sumbangan dan bacaan Ikrar World #QuranHour yang dipimpin oleh Ustaz Dr. Muhammad Bazli Aminmokhsin bin Aminuddin, tenaga pengajar Rumah Ngaji Negeri Perak.

Hadir sama, YBrs. Puan Zuriati binti Zainal, Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Korporat; YBrs. Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Sumber Manusia, Puan Laila Mazni binti Ismail selaku Setiausaha KESEDAR dan YBrs. Pengerusi Rumah Ngaji Negeri Perak, Puan Hajah Noor Mazlina binti Noor Shah.





إبراهيم البدْر 1000 Selawat

Monumen Seni
Bina Islam Di
Pulau Pangkor

Jika di Terengganu cukup terkenal dengan Masjid Kristal, negeri Perak juga tidak kurang hebatnya dengan adanya Masjid Al-Badr Seribu Selawat, Pulau Pangkor.

Pembinaan Masjid Al-Badr Seribu Selawat ini bukan sahaja sebagai tempat ibadat tetapi ia adalah satu monumen seni bina Islam baru dan secara tidak langsung menyumbang kepada produk pelancongan di Pulau Pangkor.

Masjid Al-Badr Seribu Selawat ini mula dibina pada 7 Mac 2014 dengan kos bernilai RM11.7 juta dan siap sepenuhnya dalam bulan Oktober 2016. Pembinaan masjid unik ini diilhamkan oleh mantan Menteri Besar Perak yang ke 11 iaitu YBhg. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir yang merupakan anak jati kelahiran Pulau Pangkor.

Apa yang menarik mengenai masjid ini, ia mempunyai 1,000 kaligrafi dan ukiran halus daripada kalimah selawat di bahagian dalam mahupun di luar masjid.

Selain itu, masjid tersebut juga dikenali sebagai Masjid Terapung kerana ia dibina atas air laut yang menjadikannya sebagai masjid terapung pertama di negeri Perak.

Jadi jika anda bercuti ke Pulau Pangkor singgahlah ke lokasi Masjid Al-Badr Seribu Selawat ini yang terletak di Kampung Teluk Gedong untuk melihat sendiri keunikan seni binanya yang mempunyai identiti tersendiri serta unsur seni negeri Perak iaitu bunga tekat atau 'Bunga Perak'.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi Majlis Perbandaran Manjung di talian 05-6898800 atau emel kepada www.mpm.gov.my.